

Ruj. Kami : SA3/2026 (10)  
Tarikh : 27 April 2026

### Semua Warga Samariang Aman 3

*Tuan/Puan,*

### MAKLUMAN PELAKSANAAN KADAR ELAUN SKIM RONDAAN SUKARELAWAN (SRS) SAMARIANG AMAN 3

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Susulan Mesyuarat Jawatankuasa Kejiranan Rukun Tetangga (KRT) SA3 bertarikh 17 April 2026, adalah dimaklumkan bahawa mesyuarat tersebut telah mencapai persetujuan berhubung pelaksanaan kadar elaun bagi Skim Rondaan Sukarelawan (SRS) seperti ketetapan berikut:

Perkara	Ketetapan
Kadar Elaun	RM8.00 sejam
Tempoh Rondaan	4 jam sehari
Bilangan Anggota	4 orang sehari (terawal mendaftar)

3. Setiap anggota yang bertugas adalah **wajib merekod kehadiran dalam buku log** dan merekod maklumat rondaan seperti lampiran yang telah disediakan. Hanya **kehadiran yang direkodkan dalam buku log akan diambil kira bagi tujuan pembayaran elaun.**

4. Pelaksanaan kadar elaun ini akan berkuat kuasa mulai **1 Mei 2026.**

5. Diharapkan pelaksanaan insentif ini dapat meningkatkan penyertaan dan keberkesanan rondaan dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan kawasan kejiranan.

Kerjasama dan sokongan berterusan daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai dalam menjayakan inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

**BERSATU, BERTOLERANSI, BERMUAFKAT**



**(MUHAMMAD HAZIM ABDULLAH)**  
Pengerusi Samariang Aman 3



**BERSATU, BERTOLERANSI, BERMUAFKAT**

